



**NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**

RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.1
TARIKH : **26 Ogos 2021**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai **Pembantu Akauntan, Gred W19 Bertaraf Tetap & Berpencen (1 kekosongan)** di **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)**.

Keutamaan diberi kepada calon yang berada di Bahagian Sibul, Tg. Manis, dan Mukah.

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-recruitment.sarawak.gov.my.

Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Hanya permohonan yang lengkap serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan disenarai pendek dan pemohon yang dipilih untuk sesi temuduga sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon-pemohon **tidak dihubungi dalam masa tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini ditutup, maka anggaplah permohonan tersebut **tidak berjaya**.

Tarikh tutup permohonan: **6 September 2021**

1. (a) Jawatan : **Pembantu Akauntan**
Kekosongan : **Satu (1) jawatan**
Taraf Jawatan : **Tetap dan Berpencen**
Kumpulan Perkhidmatan : **Pelaksana**
Klasifikasi Perkhidmatan : **Kewangan**
Jadual Gaji : **GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM**
RM1,353.00 - RM4,005.00

(b) Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau

- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau

- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); atau

- v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); dan

- vi. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(c) Skop Tugas:

Bertanggungjawab dalam bidang pengutipan hasil/dan atau pengurusan kewangan dan perakaunan.